

26/08/2001

PM serah Jalur Gemilang

Hussain Said

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan akan menyampaikan amanat khas serta menyerahkan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara ke Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001, 4 September depan.

Secara tidak langsung, kesudian beliau itu harus menyemarakkan semangat atlit untuk mempamerkan aksi terbaik masing-masing sekali gus melakar kegemilangan dan mengharumkan nama negara pada pentas temasya dwitahunan itu.

Pengarah Persediaan Antarabangsa Majlis Sukan Negara (MSN), Ahmad Shapawi Ismail, berkata pihaknya berharap kesediaan Perdana Menteri melapangkan masa mampu menyuntik moral atlit menjelang temasya serantau itu.

"Kita harus bertuah dan gembira kerana Perdana Menteri sudi melapangkan masa serta beramah mesra dengan atlit pada 4 September nanti, iaitu empat hari sebelum temasya serantau itu disingkap tirainya.

"Ini membuktikan beliau memberi perhatian kepada sukan antara agenda penting negara seterusnya sebagai tanda simbolik sokongan beliau kepada perjuangan atlit pada temasya serantau itu.

"Kita harap amanat yang akan disampaikan Perdana Menteri menjadi kunci utama kepada perjuangan atlit," katanya selepas majlis penyerahan kasut rasmi oleh Bata Malaysia Berhad kepada kontinjen negara di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Bangi semalam.

Pengurus Jenama dan Perhubungan Awam Bata Malaysia Berhad, James Selvaraj menyerahkan kasut rasmi itu kepada Ketua Pengarah MSN, Datuk Wira Mazlan Ahmad yang juga chef de mission kontinjen negara serta wakil atlit serta jurulatih.

(END)